# PELITA BRUNEI

**AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI**

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 21 BILANGAN 38 | RABU 22HB. SEPTEMBER, 1976. | رابو 28 رمضان 1396 | PERCHUMA


## *Selamat Hari Raya Idilfitri*



Gambar menunjokkan Wakil Peribadi, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin sedang menerima chenderamata yang berupa sa-bilah keris emas dari Yang Dimuliakan Pehin Datu Indersugara Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Johari bin Abdul Razak.

BANDAR SERI BEGAWAN. —Sa-buah chenderamata bagi meraikan sempena perkahwinan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah telah di-sampaikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Inderasugara Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Johari bin Abd. Razak di-Istana Darul Hana Rabu lepas.

Chenderamata yang berupa sa-bilah keris emas panjang dua kaki itu telah di-hadiahkan oleh jawatankuasa sambutan perkahwinan Yang Teramat Mulia itu dengan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah dalam tahun 1970.

Upachara penyampaian itu telah di-saksikan oleh ahli2 jawatankuasa utama sambutan dan telah di-sampaikan kapada Wakil Peribadi Yang Teramat Mulia, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin bin Pg Othman.

## $1.5 Juta Ibusawat Mumong

BANDAR SERI BEGAWAN. —Ibusawat talipon 1500 talian yang menelan belanja $1.5 juta telah siap di-bena dan di-pasang di-Mumong, Kuala Belait. Ia-nya akan memulakan perkhidmatan-nya pada hari Jumaat, 1hb Oktober, akan datang, mulai jam 1.00 petang.

Menurut kenyataan dari Jabatan Talikom bahawa ibusawat bergerak 400 talian yang pada masa sekarang ini memberikan perkhidmatan-nya di-kawasan Mumong itu akan di-tarek sa-mula dan akan di-pasang di-kawasan Lambak, Daerah Brunei dan Muara.

Pelanggan2 di-Mumong ada-lah di-minta supaya mengelakkan penggunaan talipon2 mereka pada masa pengambilan aleh ia-itu, di-antara (12.55 petang dan 1.05 petang) pada 1hb Oktober, akan datang ini.

Ada-lah juga di-peringatkan bahawa panggilan2 yang berlaku dalam masa tersebut itu akan terkena gangguan.

### *Maaf Zahir Dan Bathin*

Ketua Pegawai Penerangan, YDM Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Mohd Salleh bin Haji Masri, Pegawai2, Sidang Pengarang, serta Kakitangan Bahagian Penerangan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan Menguchapkan Selamat Hari Raya Idilfitri kapada Pembacha Pelita Brunei.

# PENANTUAN HARI RAYA

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama kakitangan Pejabat Ukor akan melihat anak bulan Shawal tahun Hijrah 1396 pada petang hari Jumaat 24hb September untok menentukan bermula-nya 1 Shawal tahun ini.**

Rombongan itu akan melakukan penglihatan anak bulan Shawal di-tiga tempat ia-itu di-Bukit Tabor Bintang Berakas, di-Istana Pantai, Tutong dan di-Pantai Seria.

Jika anak bulan Shawal dapat di-lihat pada petang hari itu maka permulaan Hari Raya akan jatoh pada hari Sabtu 25hb September dan chuti kelepasan awam akan di-kira pada hari Sabtu 25hb dan Isnin 27hb September sa-bagai ganti hari Ahad 26hb September.

Jika anak bulan Shawal tidak kelihatan pada hari tersebut, Hari Raya akan bermula pada hari Ahad 26hb September dan chuti kelepasan awam akan di-kira pada hari Isnin 27hb dan Selasa 28hb September.

Sembahyang Hari Raya Idilfitri di-semua Masjid seluroh negeri akan di-mulakan pada jam 7.30 pagi.

Pengumuman lanjut mengenai hasil penglihatan anak bulan Shawal itu akan di-umumkan melalui Radio dan Talvishen Brunei.

## Lembaga pelaboran bermashuarat hari ini

BANDAR SERI BEGAWAN. —Lembaga Penasehat Pelaboran Negeri Brunei memulakan mashuarat-nya hari ini bagi membinchangkan hal-ehwal pelaboran kewangan Brunei.

Salah sa-orang ahli lembaga itu termasok-lah Pengerusi Crown Agent, Awang Cuckney yang telah tiba di-Brunei pada hari Ahad lepas bersama2 dengan isteri beliau. Mereka akan berada di-Brunei sa-lama lima hari.

Di-Lapnagan Terbang Antarabangsa di-Berakas, ketibaan Awg Cuckney dan isteri-nya telah di-alu2kan oleh Pegawai Kewangan Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Khazanah Negara Laila Diraja, Dato Laila Utama Awang John Lee dan Peguam Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Kanun Diraja Dato Laila Utama Awang Idris Talog Davies dan Pembantu Kanan Pegawai Kewangan Negara Awang Abdul Rahman bin Haji Karim.

Dua orang lagi ahli lembaga tersebut telah tiba semalam.

## ISTANA DI-BUKA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei sukachita di-umumkan bahawa Istana Darul Hana akan di-buka untok kunjongan orang ramai sempena Hari Raya Idilfitri tahun ini.

Ia-nya akan di-buka mulai Hari Raya yang kedua, ketiga dan ke-empat dari pukol 10 pagi hingga 12 tengah hari dan dari pukol 2 petang hingga 4 petang.

## Bedil buloh di-tegah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai supaya jangan menembakkan meriam2 buloh ketika menjelang-nya Hari Raya ini.

Sa-orang juruchakap pulis memberitahu bahawa sa-siapa yang di-dapati membuat atau memileki atau menembakkan meriam2 buloh mereka boleh di-hadapkan ka-Makhamah.

Pehak pulis meminta kerjasama orang ramai dan ibubapa2 akan dapat mengawasi bersama anak2 mereka supaya jangan menembakkan meriam2 buloh.

PELITA BRUNEI

22HB SEPTEMBER, 1976

# RAMADHAN TIMBULKAN KESEDARAN

BULAN Ramadhan atau bulan Puasa ada-lah bulan yang menguatkan lagi kesedaran kita terhadap tanggong-jawab antara sa-masa manusia, khas-nya tanggong-jawab sa-sama Islam. Kita akan merasakan lebeh besar tanggong-jawab itu di-saat2 akhir-nya Ramadhan yang bakal kita tinggalkan dan menghadapi 1 Shawal yang sa-olah2 satu kemestian untok di-sambut sa-meriah yang mungkin sama ada di-kalangan orang2 yang kurang berada atau miskin apa lagi di-kalangan yang berada atau yang kaya-raya.

Masing2 akan menyambut-nya dengan teradisi yang sa-olah2 satu kemestian pula untok di-turut walau pun di-antara teradisi itu bukan yang di-kehendaki atau di-tuntut oleh Islam. Teradisi2 itu yang sudah bertapak sekian lama — sejak zaman datok nenek kita — telah berjaya mempengarohi jenerasi yang ada sekarang sa-hingga untok meluruskan ka-pada yang lebeh abdhal atau yang lebeh di-galakkan oleh Islam merupakan satu kerja atau usaha yang tidak bagitu mudah. Hal ini dapat di-lihat dan di-rasakan lebeh nyata dalam segi perlakuan kebiasaan orang2 kita yang di-per-sifatkan sa-bagai tabi'at yang sa-akan2 sukar untok meng-hindarkan diri dari perbuatan2 yang membazir menurut pan-dangan Islam itu.

Namun demikian, keadaan itu tidak-lah menyeluroh kapada perbuatan2 kita sa-hari2 terutama dalam menyedia-kan pesungkaian dan persiapan2 untok menyambut tiba-nya 1 Shawal itu. Keadaan sekarang tidak lagi sa-hebat sa-belum timbul-nya inflasi dan hari ini sudah dapat kita ikuti bagaimana orang2 kita lebeh gemar membicharakan soal2 menyaimbangi pendapatan dengan perbelanjaan dari mem-bicharakan perkakas2 moden yang patut di-beli sama ada tunai apa lagi chara berhutang dengan tidak memperhitong-kan dengan wajar dari segi kemampuan pendapatan dan perbelanjaan2 bulanan atau harian yang mesti. Kita kira, perengkat pertama yang amat mengesankan pada menye-dari betapa perlu-nya kawalan2 perbelanjaan itu di-pertim-bangkan dengan wajar ia-lah apabila timbul-nya inflasi; perengkat kedua, ia-lah timbul-nya kesedaran hanya untok berbelanja kapada perkara2 yang mustahak saja; dan, perengkat ketiga ia-lah sa-telah menyedari dengan penoh wajar apa yang sa-benar-nya di-hukumkan oleh Islam ka-pada pengikut2-nya bagi menjamin kestabilan ekonomi Umat Islam itu sendiri supaya mereka tidak terchichir di-bumi mereka sendiri dan merupakan satu umat dunia yang mem-punyai kekuatan yang tidak berani di-ganggu gugat oleh umat yang bukan Islam.

Di-negara kita, rasa tanggong-jawab terhadap sa-sama manusia khas-nya sa-sama Islam itu ada-lah tidak di-ragukan, apa-tah lagi jika kita kenang kembali dari segi adat kita orang2 Brunei "yang tidak penchamah mata" dalam hal-ehwal yang berkebajikan.

Dalam sa-panjang bulan Ramadhan ini kita dapat mengikuti beberapa kegiatan 'amal yang di-jalankan di-seluroh negeri dari soal2 pembersehan kawasan2 per-kuboran, huluran2 derma kapada anak2 yatim dan yang kurang bernasib baik hingga-lah membuatkan rumah bagi janda2 yang tidak berupaya. Kegiatan2 itu bukan baru bagi raayat Brunei, malah ia sudah ujud dan semangat itu memang di-tanamkan oleh orang2 yang terawal dari kita sa-hingga ia-nya menjadi salah satu dari beberapa "adat" kita.

Apa yang amat menggalakkan pada tahun ini ia-lah tentang huluran2 derma kapada anak2 yatim yang di-selang-garakan oleh Badan Kebajikan Kebangsaan Brunei Bahagian Tabong Anak2 Yatim. Derma2 itu di-hulurkan dari semua penjuru masharakat di-negeri ini.

Semoga anak2 yatim itu akan turut sama bergembira di-hari yang mulia itu nanti sesuai dengan sifat alam kanak2 mereka, dan tahniah kapada Badan Kebajikan Kebangsaan Brunei yang bertungkus-lumus melaksanakan amal yang ber-kebajikan itu.

# Kursus Juru-ulas dan Juruachara



BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu kursus sa-lama sa-bulan untok 16 orang juru-ulas dan juruhebah telah tamat, apabila Pemangku Pengawal Radio Talivishen Brunei, Awang Salleh Kadir telah menyampaikan sijil2 kapada mereka itu.

Upachara penamat dan penyerahan sijil kursus itu telah di-adakan di-Dewan Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka di-sini baru2 ini.

Di-antara yang telah turut hadhir menyaksikan upacha-ra tersebut ia-lah: Yang Ber-hormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Uta-ma Dr Awang Haji Mohd Jamil Al-Sufri, Anggota Ja-watankuasa Ranchangan Ta-livishen serta Pegawai2 kanan Radio Talivishen.

Ada-lah di-fahamkan ba-hawa kursus tersebut merupa-kan pertama kali pernah di-adakan kapada pehak juru-ulas dan jurachara di-Jaba-tan Radio Talivishen Brunei dan pehak penganjor-nya mengharapkan agar kursus2 sa-rupa akan di-adakan lagi pada masa akan datang.

**Gambar di-atas memper-lihatkan peserta kursus ber-gambar ramai sa-telah selesai upachara penyerahan sijil. Barisan dua nombor tiga dari kanan ia-lah Awang Hywel Evans, yang telah mengen-dalikan kursus tersebut.**

# *Pemilehan Chalun Ketua Kampong*

KAMPONG SUNGAI KEBUN. — Kira2 120 orang pen-dudok dari dua buah kampong Tarap Bau dan Lupak Luas, Daerah Brunei dan Muara, telah hadhir di-Sekolah Melayu Sungai Kebun, untok menamakan chalun Ketua Kampong baru kampong2 tersebut.

Sa-ramai tiga orang cha-lun telah di-namakan bagi jawatan tersebut. Mereka ia-lah: Awang Haji Oth-man bin Ali, Mohammad Hashim atau Mohammad Zain bin Haji Ja'afar dan Awang Wahid bin Othman.

Nama2 ketiga orang cha-lun itu telah di-kemukakan kapada Yang Berhormat Se-tia Usaha Kerajaan untok di-perkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pa-duka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, Negeri Brunei.

Penchalunan itu telah di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Yang Dimuliakan Pehin Da-tu Indersugara Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Jo-hari bin Abdul Razak serta di-selenggarakan oleh Pega-wai2 dari Pejabat Daerah Brunei dan Muara.

Sementara itu pendudok2 di-Mukim Tanjong Maya, Daerah Tutong telah memi-leh tiga orang chalun bagi jawatan Ketua Kampong ka-wasan itu.

Chalun2 itu ia-lah: Awang Jaini bin Ahmad, Awang Abu Bakar bin Mohammad Daud dan Awang Mat Jair bin Bendahari Haji Abdul Ghafar.

Pemilehan chalun2 tersebut telah di-langsongkan di-Balai Raya mukim itu minggu lalu dan di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah Tutong, Awang Yahya bin Haji Harris.

Nama ketiga2 chalun itu juga akan di-kemukakan ka-pada Setia Usaha Kerajaan untok di-luluskan oleh Ke-bawah Duli Yang Maha Mu-lia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

# Kebakaran di-Tambatan Shell

KUALA BELAIT. — Tiga buah kereta bomba telah di-kejarkan ka-Tambatan Kas-tam Shell di-sini, berikutan laporan berlaku-nya satu ke-bakaran lewat petang Sabtu lepas.

Api kebakaran tersebut te-lah dapat di-padamkan da-lam masa sa-puloh minit. Sa-bahagian besar alat2 ganti kereta lama yang tidak di-gunakan telah terbakar dan tidak ada kechederaan di-laporkan.

Kebakaran tersebut di-per-chayai berpuncha dari pun-tong rokok yang telah di-buang sebarangan.

Menurut pehak yang ber-kuasa Balai Bomba menyata-kan bahawa orang ramai ada-lah di-nasehatkan supaya jangan membuang puntong rokok sebarangan terutama sekali di-tempat2 yang ter-dedah dan merbahaya.

# Pesta Hari Raya Idilfitri

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bahagian Melayu Radio Brunei telah menganjorkan Pesta Idilfitri, di-Dewan Pu-sat Belia di-sini minggu le-pas.

Antara achara-nya terma-sok-lah lawak jenaka, ber-balas pantun, ranchangan kanak2 dan peraduan kuiz.

Rakaman pertunjokan itu akan di-siarkan sa-masa Hari Raya Idilfitri nanti.

# Pemereksaan Alat2 Sukatan Timbangan Bagi Tahun 1977

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu pemberitahuan untok orang ramai dari Bahagian Sukatan dan Timbangan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, terutama kapada pemilek2 alat2 sukatan dan timbangan bahawa pemereksaan alat2 Sukatan dan Timbangan bagi tahun 1977 akan di-adakan di-semua daerah negeri ini yang akan berakhir pada 31hb Disember, 1976 depan.

Ada-lah di-ingatkan kapada semua pemilek alat2 Sukatan dan Timbangan yang tidak di-chap alat2 mereka bagi pengesahan penggunaan untok tahun 1977, tindakan mahkamah akan di-ambil ka-atas mereka yang lalai berbuat demikian mengikut kehendak Undang2 Sukatan dan Timbangan Brunei tahun 1913 Penggal 69.

Kaki-tangan Sukatan dan Timbangan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan akan menjalankan pemereksaan tersebut bermula pada 1hb Oktober, 1976 ini di-pusat2 pemereksaan yang tersebut di-bawah ini:

Bagi **Daerah Brunei/Muara** pemereksaan akan di-jalankan di-Pejabat Sukatan dan Timbangan, Batu ½, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan pada 1hb Oktober, hingga 31hb Disember, 1976.

Pendudok2 di-kawasan Muara, Kampong Batu Marang, Pulau Baru-Baru dan Berbunut yang memileki alat2 sukatan dan timbangan mereka ada-lah di-kehendaki menghantar-nya di-Pejabat Sukatan dan Timbangan Bandar Seri Begawan.

Di-**Daerah Belait** pemereksaan juga akan di-adakan pada 1hb Oktober hingga 31hb Disember, 1976 bertempat di-Chawangan Bahagian Sukatan dan Timbangan (bekas Rumah Sakit Lama) Kuala Belait.

Bagi pendudok2 yang memileki alat2 ini di-kawasan2 Kampong Mukim Labi, Bukit Sawat, Pengkalan Siong, Sukang, Bukit Puan, Kuala Balai, Tunggulian, Sungai Liang, Lumut dan kawasan Seria hendak-lah membawa di-Chawangan Bahagian ini di-Kuala Belait.

Pendudok2 di-**Daerah Tutong** yang memileki alat2 ini hendak-lah membawa alat2 mereka di-Rumah Kerajaan Kelas 'B' No. 50, Bukit Bendera Tutong mulai 1hb Nobember hingga 6hb Nobember, 1976.

Untok pemilek2 alat2 sukatan dan timbangan di-**Daerah Temburong** pemereksaan akan di-jalankan bertempat di-Rumah Persinggahan Kerajaan, Pekan Bangar mulai 8hb Nobember hingga 12hb Nobember, 1976.

Bagaimana pun, tarikh2 pemereksaan di-Daerah Tutong dan Temburong ada-lah tertaalok kapada perubahan.

Semua pemereksaan akan di-jalankan pada hari2 pejabat di-buka sahaja.

# KERJA2 AMAL DI-SANA SINI

KAMPONG KILANAS. — Pendudok2 di-Kampong Kilanas serta anggota kampong tersebut telah mengadakan kerja2 amal ia-itu membersehkan kawasan perkuboran di-sini pada hari Ahad, minggu lepas.

Kerja amal tersebut telah di-ketuai oleh Penghulu Mukim Kilanas, Datu Derma Wijaya Awang Haji Tamit bin Aspar dan Yang Dipertua Persatuan Kampong Kilanas, Awang Mahali bin Haji Abdullah.

Sementara itu di-Sungai Liang, Dearah Belait, pendudok2 di-situ juga telah mengadakan kerja2 amal membersehkan kawasan Masjid Sungai Liang.

Penghulu Mukim Sungai Liang, Awang Wahid bin Hj Wahab telah mengetuai kerja amal tersebut.

Di-Kampong Terunan, Daerah Belait, satu kerja amal telah di-lakukan oleh pendudok2 kampong di-situ yang berugama Islam, membersehkan tanah perkuboran di-kampong tersebut.

Kampong Belais, di-Daerah Temburong pula satu kerja amal telah di-lakukan oleh pendudok2 kampong di-situ untok membersehkan kawasan perkuboran orang2 Islam.

Penghulu Mukim Bokok, Awang Salleh bin Bungsu telah mengetuai kerja amal tersebut.

Kampong Belimbing Subok, Daerah Brunei dan Muara, kira2 100 orang pendudok di-situ telah mengambil bahagian dalam kempen kerja amal sa-chara besar2an minggu lalu.

Kerja amal yang telah di-ketuai oleh Ketua Kampong Belimbing, Awang Haji Kamis bin Tangkim itu telah membersehkan pokok2 yang tumbang di-tanah perkuboran Islam di-situ, di-sebabkan kejadian ribut baru2 ini.

Satu projek kerja amal membersehkan kawasan perkuboran orang2 Islam di-Pengkalan Jalor, di-Kampong Tanjong Maya, Daerah Tutong, telah di-adakan pada hari Ahad lepas.

Projek tersebut ada-lah anjoran Persatuan Kampong Tanjong Maya.

Menurut sa-orang juruchakap Persatuan tersebut bahawa kerja2 amal tersebut telah di-laksanakan atas kerjasama ahli2 persatuan serta pendudok2 di-Mukim Tanjong Maya.



Sa-tiap tahun selalu saja di-adakan kerja2 beramal dan bergotong-royong di-kawasan2 tanah perkuboran di-negeri kita. Kelihatan dalam gambar kerja2 bergotong-royong membersehkan tanah perkuboran di-Tanjong Kuala Belait baru2 ini ketika menjelang-nya saat2 Hari Raya tahun ini.

# Pembayaran Zakat Fitrah



Gambar menunjokkan Ketua Kampong Sungai Kedayan "A" Tuan Haji Abdul Aziz Ahmad ketika menerima pembayaran zakat fitrah dari pendudok2 di-sekitar kawasan tersebut.

# *Malam Idil-Fitri Di-Kg. Penanjong*

PENANJONG. — Persatuan Pemudi Pemudi Kampong Penanjong (PERDA) Tutong akan mengadakan Malam Idilfitri sempena Hari Raya tahun ini pada 28hb September, 1976 mulai jam 7.30 malam bertempat di-dewan persatuan tersebut.

Berbagai achara akan di-persembahkan pada malam itu termasok-lah peraduan Bintang Idilfitri, tarian dan nyanyi2an.

Sementara itu Persatuan PEMBELA Kuala Belait akan juga mengadakan Malam Idilfitri bertempat di-Dewan Kemasharakatan Kuala Belait pada malam 2hb Oktober depan.

Bintang Malam Idilfitri sabagai achara kemunchak persembahan malam itu akan juga di-adakan dan terbuka kapada pendudok Daerah Belait saja.

*Bersedarhana lah Ketika Merayakan Idil-Fitri Menurut Ajaran Islam*



# Colourful Chinese procession

HUNDREDS of devotees of Bandar Seri Begawan's Chinese Temple paraded through the town on Wednesday last week to celebrate the birthday of the temple deity.

Crowds lined the streets to watch lion dancers, colourful flag carriers, stilt walkers and girls dressed in ancient-style imperial court robes.

The most startling aspect of the parade was the seemingly empty sedan chair (above) which appeared to shake and rock alarmingly with a life of its own and took the combined strength of a team of carriers to hold it steady.

The procession was the most colourful the town has been since Sultan's birthday celebrations and for the Chinese community came as a fitting end to the autumn moon festival, although the parade had no connection with the festival.

In the evening traditional Chinese operas were staged at the theatre in the temple grounds.

SMALL boys often use the Omar Ali Saifuddin Mosque lagoon as a swimming pool, but it's not often that a car decide to take a dip there.

It was an embarrassing moment for the driver of the car above when he returned to fund the car he had parked in the water.

The car had been struck from behind by another vehicle. ↓






A kampong near the State
television sets.
A 26-inch set was presen
Soon very population cen



Richard Johnson plays
Cleopatra on Radio Television

# MENJELANG HARI RAYA IDILFITRI

**Dari muka 6**

penoh dengan keuntongan yang berlipat ganda — di-mana dari sudut2 ekonomi *'permintaan lebeh anjal dari penawaran'*, dalam kata lain hal ini memaksakan pekedai2 menaikkan harga barang2 dagangan mereka yang sengaja pula di-lindongi dengan harga *'istemewa'* untok Hari Raya konon-nya. Sikap pekedai2 saperti ini dapat-lah di-katakan sabagai *'menahan lukah di-pergentingan'*, kerana sa-tiap unit barang mereka di-beli semakin bertambah pula keuntongan masok dalam kantong-nya.

Bagitu juga tidak ketinggalan pada waktu ini kebanyakan orang2 Islam akan berduyun2 pula mengunjongi atau ziarah ka-kubor kaum kerabat, sanak saudara atau sahabat handai yang telah kembali kepangkuan Ilahi sambil menjiruskan ayer mawar atau menabori bunga atau 'aying asahan' di-atas kubor, di-samping tidak lupa menghadiahkan bachaan2 Fatihah, bertahlil atau ayat2 suchi Al-Koran kapada roh si-mati.

Bagi kita orang2 Brunei kebiasan menziarahi perkuboran saperti di-Hari Raya sa-tiap tahun itu ada-lah menjadi suatu perbuatan yang sa-olah2 tidak dapat di-tinggalkan dan tidak mudah luput di-sanubari kita orang2 Brunei, malah sa-hinggakan ia sudah rasa-nya menjadi kemestian yang tidak boleh ketinggalan atau sudah menjadi satu tradisi yang tidak nampak fungsi-nya. Sedangkan jika kita bandingkan dengan hari2 yang lain ada satengah2 orang kita tidak sedikit pun memperdulikan-nya — sa-hingga ada yang tergamak pula tidak mahu melawati ka-tempat2 orang kematian dan ada pula yang tidak pandai menyembahyangkan si-mati!

Perbuatan saperti ini perlu-lah kita sedari dan insafi akan hakikat dan fungsi-nya yang sabenar2-nya. Apa-kah ia-nya di-tuntut oleh ugama Islam yang maha suchi itu? Atau apa-kah ini chara yang sa-baik2-nya bagi kita orang2 Islam di-Brunei pada menyambut dan merayakan hari yang agong itu?

Tentu timbul anggapan atau pendapat di-kalangan orang2 Islam kita di-Brunei bahawa memang tidak menjadi kesalahan atau pertentangan untok kita merayakan Idilfitri sa-umpama itu, namun sa-bagai orang Islam kita perlu mengubah dan membaharui chara hidup kita yang kita warisi dari datok nenek kita sejak zaman berzaman itu yang pada keseluruhan-nya telah menampakkan tabiat kita merayakan Hari Raya yang sa-patut-nya tidak perlu di-lebeh2kan.

Ada beberapa perkara yang perlu rasa-nya kita pertimbangkan dan fikirkan bersama dalam kita menyambut 1 Shawal yang mulia ini dengan perkara2 yang berkebajikan dan bermunafaat supaya ia benar2 menepati fungsi dan makna-nya, umpama-nya :

1) Sewajar-nya kita jangan membazir dalam mengeluarkan perbelanjaan di-saat2 menyambut Hari Raya,
2) Sewajar-nya kita mengeluarkan derma wang ringgit, sedekah atau zakat fitrah ke-arah perkara2 yang mempunyai kepentingan untok kebajikan kaum muslimin seluroh-nya,
3) Sewajar-nya kita mengadakan kempen atau kegiatan2 dakwah Islam ka-arah perubahan dan pembaharuan Umat Islam kita di-Brunei dalam menghadapi chabaran dunia yang serba maju dan penoh dengan kemajuan2 sains dan teknoloji ini,
4) Mengadakan majlis bermuzakarah ugama, *forum* kebangkitan Islam dan keagongan-nya sa-bagai menggantikan majlis2 pakaian beragam, tari menari atau yang sering kali di-adakan bertepatan pada merayakan Idilfitri.

Sesuai dengan rasa chinta dan Ugama Islam sa-bagai Ugama Rasmi dan Ideoloji Negara kita, ugama Islam yang kita jadikan obor kearah menuju kesempurnaan dan kenikmatan dalam hidup kita, maka sudah kena pada tempat dan saat-nya kita menanamkan semangat keIslaman yang sejati, yang gigih lagi takwa supaya keimanan dan keIslaman. kita akan benar2 memandu kita kearah kejayaan.

Di-samping itu bertepatan dengan datang-nya puasa dan Hari Raya yang mulia ini ada-lah sewajar-nya kita sambut dengan kegembiraan dan penoh keinsafan serta kesedaran di-samping kita melahirkan *azam dan keyakinan baru* dalam menempoh liku2 hidup yang penoh chabaran dan jangan lupa juga kita mengenangi nasib saudara2 kita yang ada sa-bahagian-nya akan meratapi nasib-nya dalam menyambut hari yang agong ini.

Akhir-nya biar-lah kita sambut Hari Raya kali ini sa-bagai satu landasan atau saat2 untok kita bermaafan atas segala apa juga kesalahan yang telah kita lakukan selama sa-tahun berlalu sa-sama Islam, maka jangan-lah pula kesalahan yang kita tuntut kemaafan-nya itu akan kita ulangi kerana ini chuma akan menampakkan sifat2 kekurangan dalam diri kita sendiri saja. Dan jangan-lah pula kita jadikan kegembiraan Hari Raya ini nanti sa-bagai saat2 untok kita berseronok2, berdansa atau berhibor dengan minuman2 keras atau apa juga bentok maksiat yang terlarang oleh ugama.

Mudah2an ibadah puasa yang kita kerjakan di-saat ini akan benar2 memberikan ganjaran pahala dan takwa kita semata2 kapada Allah s.a.w. dan bagitu juga menjelang-nya Hari Raya ini nanti akan memberikan lorong kapada kita pada menyedari dan menginsafi diri kita di-dâlam dunia yang penoh dengan chabaran ini. Biar-lah sa-tiap kali datang-nya Hari Raya Idilfitri dalam usia kita akan mengujudkan kesedaran dan tanggong-jawab kapada kita untok bangsa dan negara Brunei Darussalam.



**Tidak lupa juga dalam ingatan umat Islam kita di-Brunei, bila menjelang-nya Hari Raya sa-tiap tahun berduyun2 pula menzairahi perkuboran sanak saudara dan kerabat yang telah kembali kepangkuan Ilahi, pemandangan yang tertara dalam gambar ini memang terdapat di-mana2 tanah perkuboran di-negeri kita.**



Bahan2 untok hidangan Hari Raya ada-lah antara yng di-anggap penting. Gambar menunjokkan suasana yang terdapat di-pasar2 sayor dan buah2an di-mingu akhir menjelang raya ini.

# ZAKAT FITRAH PEMBERSEH HARTA DAN BADAN




BERSUKUT dengan kita sedang khusu' mengerjakan rukun Islam yang ke-empat, ia-itu puasa pada bulan Ramadhan, dan kemudian di-ikuti dengan menunaikan salah satu lagi rukun Islam, ia-itu mengeluarkan zakat, ya'ani zakat fitrah, maka elok rasa-nya kita mengambil peluang berchakap mengenai apa yang di-sebut dengan ibadat "Zakat" itu.

Menurut ugama kita yang maha suchi, harta benda itu ada-lah kepunyaan Allah, di-amanahkan-Nya kapada sesiapa jua yang di-kehendaki-Nya, supaya ia di-pergunakan dengan betul, di-antara-nya untok kepentingan umat yang ramai. Ugama Islam telah menunjokkan chara2 yang halal untok menchari dan mengumpulkan kekayaan, di-samping menunjokkan juga chara2 memakai dan mempergunakan-nya menurut jalan yang halal pula. Ugama Islam tidak mahu kekayaan itu menyusahkan pemilek-nya dan apatah lagi kapada orang lain. Sa-bagai suatu kelebehan, kekayaan mesti-lah di-gunakan untok memperkukohkan kedudokan umat dan mengekalkan kebahagiaan mereka bersama, kerana itu-lah salah satu chara ka-arah menchapai tujuan ini ia-lah dengan menshari'atkan zakat. Di-dalam kitab suchi Al-Quran, zakat itu biasa-nya di-sebut sa-iring dengan ibadat sembahyang, untok memberi gambaran bahawa zakat merupakan ibadat yang di-lakukan dengan harta dan benda, untok kebaikan masharakat, sementara sembahyang pula di-lakukan dengan jiwa dan raga, untok kesuchian batin dan budi pekerti.

Firman Allah s.w.t. dalam surah Al-Baqarah ayat 261 bermaksud kira2 : *"Perumpamaan orang2 yang menafkahkan harta-nya di-jalan Allah (mengeluarkan zakat): Ada-lah sa-bagai sa-biji beneh yang tumboh menjadi tujoh tangkai, sa-tiap tangkai sa-ratus buah-nya; dan Allah melipat gandakan untok siapa yang di-kehendaki-Nya. Allah itu luas kornia-Nya dan maha tahu."*

Firman Allah lagi dalam surah yang sama ayat 110 yang bermaksud kira2 : *"Di-rikan-lah sembahyang dan keluarkan-lah zakat, dan sa-tiap pekerjaan baik yang kamu kerjakan ada-lah untok diri kamu, nanti akan kamu dapati di-sisi Allah. Sa-sunggoh-nya Allah itu melihat (memerhatikan) apa2 yang kamu kerjakan."*

Zakat itu di-keluarkan bagi gulongan (asnaf) yang telah di-tentukan. Di-keluarkan dari benda2 yang sudah di-tetapkan, ia-itu bintang2 ternakan, tanam2an dan buah2-an yang mengenyangkan, emas dan perak, harta perniagaan dan harta2 terpendam (rikaz).

Di-antara hikmat dan kelebehan ibadat zakat itu sudah chukop jelas ia-itu untok membersehkan harta dan diri kita. Dengan berzakat umat Islam dapat melateh dan membiasakan diri supaya jangan terlalu lekat hati-nya kapada harta, sebab akibat-nya tidak baik, dan juga supaya orang tahu dan selalu menginsafi bahawa harta itu ada-lah kepunyaa Allah, di-mana kita hanya di-tugaskan untok menjaga dan memelihara-nya.

Tumboh dan berkembang-nya harta itu ada-lah semata2 dengan keredhaan dan kornia-Nya jua. Barang siapa juga yang menyeleweng mempergunakan harta-nya bukan sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh Allah, maka itu-lah harta kekayaan yang tidak berkat, tidak akan menulong kapada pemilek-nya, bahkan membawa dosa dan kebinasaan, sa-bagaimana hal ini di-terangkan oleh Allah dengan firman-Nya yang kira2 bermaksud: "Di-hari ini akhirat) di-panaskan semua-nya (kekayaan) dalam neraka jahanam, lalu di-bakar dengan itu dahi rusok dan punggong mereka (seraya di-katakan) kapada mereka : Ini-lah harta benda mu yang kamu simpan untok diri mu sendiri, maka rasakan-lah sekarang (akibat dari) apa yang kamu simpan itu."

## PANDUAN ZAKAT FITRAH

* Orang2 yang di-wajibkan mengeluarkan zakat fitrah :—
  (1) Orang Islam sama ada lelaki atau pun perempuan, sama ada kanak2 atau pun orang dewasa.
  (2) Orang yang merdaheka. Ada pun orang yang hamba zakat fitrah-nya wajib di-keluarkan oleh tuan-nya.
  (3) Orang yang hidup pada akhir bulan Ramadhan dan awal bulan Shawal.
  (4) Orang yang ada berkelebehan dari perbelanjaan untok diri-nya dan tanggongan-nya pada malam hari raya dan siang-nya.
* Wajib-lah di-keluarkan zakat fitrah bagi :—
  (1) Orang yang meninggal (mati) sa-sudah jatoh matahari pada hari terakhir bulan Ramadhan (sa-sudah masok waktu sungkai).
  (2) Kanak2 yang di-lahirkan sa-belum sungkai pada hari terakhir bulan Ramadhan.
* Jika sa-seorang tidak mampu mengeluarkan zakat fitrah untok sa-keluarga-nya (diri-nya) dan tanggongan-nya), maka hendak-lah ia mengeluarkan-nya menurut susunan berikut:—
  (1) Mula2 di-keluarkan-nya untok diri-nya sendiri.
  (2) Jika ada lebeh maka di-keluarkan-nya pula untok isteri-nya.
  (3) Jika ada lagi lebeh maka di-keluarkan-nya pula untok anak-nya.
  (4) Jika ada lebeh lagi maka di-keluarkan-nya pula untok bapa-nya.
  (5) Dan jika ada lebeh lagi maka di-keluarkan-nya pula untok ibu-nya.
* Waktu *wajib* mengeluarkan-nya ia-lah pada malam hari raya sa-hingga sa-belum sembahyang raya. Dalam pada itu *harus* mengeluarkan-nya pada sa-panjang bulan Ramadhan. Dan *makroh* mengeluarkan-nya sa-telah selesai sembahyang raya. Dan *haram* jika di-lambat2kan mengeluarkan-nya sa-hingga terkemudian dari hari raya pertama.
* Boleh di-bayar (di-keluarkan) sama ada dengan 3 kati 12 tahil beras; atau pun dengan wang sa-banyak harga 3 kati 12 tahil beras itu.
* Hendak-lah *berniat* ketika mengeluarkan atau ketika mengasingkan atau menentukan wang-beras yang hendak di-jadikan zakat fitrah itu, ia-itu dengan lafaz saperti: "Ini zakat fitrahku"; Ini zakat fitrah isteriku"; "Ini zakat fitrah anakku"; "Ini zakat fitrahku dan orang2 yang di-dalam tanggonganku". Dan hendak-lah maksud niat yang di-lafazkan itu di-ingatkan di-hati.

**(Di-padankan dari buku "Menjelang Sungkai" terbitan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.)**

QARI dan qariah kita yang telah mengambil bahagian dalam Peraduan Membacha Quran Perengkat Antarabangsa di-Kuala Lumpur telah pulang ka-tanah ayer pada hari Sabtu lalu.

Mereka ia-lah Awang Haji Damit bin Haji Kawang (kiri) dan Dayang Hajjah Aminah binte Siling (kanan). Awang Haji Ibrahim bin Pehin Orang Kaya Indera Laila Dato Seri Utama Awang Haji Ismail (No. 2 dari kiri sementara Pengiran Dato Seri Laila Jasa Hj Abas dan Dayang Hajjah Damit bin Mohd Yusof menjadi pengiring qari dan qariah itu.



## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Dearah Brunei/Brunei, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 22hb September, 1976 hingga ka-hari Selasa 28hb September, 1976 ada-lah saperti di-bawah ini :**

| *Bulan Hari* | *Dzohor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Terbit Matahari* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 22hb Sept | 12.19 | 3.36 | 6.23 | 7.35 | 4.37 | 4.52 | 6.09 |
| 23hb Sept | 12.19 | 3.36 | 6.23 | 7.35 | 4.37 | 4.52 | 6.09 |
| 24hb Sept | 12.19 | 3.36 | 6.23 | 7.35 | 4.37 | 4.52 | 6.09 |
| 25hb Sept | 12.19 | 3.36 | 6.23 | 7.33 | 4.36 | 4.52 | 6.09 |
| 26hb Sept | 12.18 | 3.35 | 6.21 | 7.33 | 4.36 | 4.51 | 6.08 |
| 27hb Sept | 12.18 | 3.35 | 6.21 | 7.33 | 4.36 | 4.51 | 6.08 |
| 28hb Sept | 12.18 | 3.35 | 6.21 | 7.33 | 4.36 | 4.51 | 6.08 |

**Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga mini pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**

belia dan sokan

# *KEJOHANAN TENNIS: BRUNEI PEROLEHI TIGA GANGSA*

BANDAR SERI BEGAWAN.—Brunei berjaya memperolehi tiga pingat gangsa dalam perlawanan Kejohanan Tennis Singapura yang telah di-langsongkan di-Gelanggang Tennis Stadium Kebangsaan Singapura, minggu lalu.

Pingat2 tersebut ada-lah bagi perlawanan bergu champoran, di-menangi oleh David Datchler dengan Judy Asher dan yang satu lagi dalam bahagian bergu wanita yang juga di-menangi oleh Judy Asher dengan sa-orang wanita dari Malaysia.

Sementara itu dalam bahagian lelaki perseorangan, Thomas Chia telah mengalahkan Zainuddin Ishak dari Singapura dalam pusingan pertama, akan tetapi telah tewas dalam pusingan kedua oleh sa-orang pemain yang lain lagi dari Singapura.

David Datchler dan Frankie Ho telah tewas di-tangan pemain2 dari Norway dan Singapura dan bagitu juga dalam bergu lelaki, pemain Brunei sekali lagi telah tewas oleh Scabo dan Von Cannon dari Amerika dan Norway.

Ini ada-lah penyertaan Brunei bagi kali yang kedua dalam perlawanan kejohanan tennis terbuka Singapura, sempena Pesta Sokan Singapura pada tahun ini.

Lapan buah negeri lain telah juga mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut. Brunei telah juga di-undang oleh Persatuan Tennis Singapura supaya menyertai perlawanan kejohanan Terbuka Singapura Grass Court yang akan di-langsongkan pada bulan Oktober, akan datang.

Dalam perlawanan ini, Malaysia telah munchol sa-bagai johan bergu tennis di-Pesta Sokan Singapura baru2 ini. Pasangan Malaysia, Lee Ye Cheng dan Eday Chew telah berjaya menewaskan pasangan Singapura Mahathir Husain dan Barry Chia dengan 6-3, 6-2 dalam pertandingan akhir.

Dalam kejohanan bahagian perseorangan lelaki, S. Sumudra dari Indonesia munchol sa-bagai johan.

# Jawatankuasa PBADB

KUALA BELAIT. — Persatuan Bolasepak Amator Daerah Belait dalam mashuarat agong-nya yang telah di-adakan di-Pusat Belia, di-sini baru2 ini, telah melantek Ahli2 Jawatankuasa bagi tahun 1976/77 saperti berikut:—

Penaong, Yang Berbahagia, Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd Ja'afar.

Penasehat Yang Berhormat, Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja, Dato Setia Awang Hj Hussain bin P.O.K Di-Gadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Md Yussof.

Yang Dipertua, Pg Ali Hassan bin Pg DSLJ Haji Abas; Naib Yang Dipertua I, Awang Hafneh bin Mohd Salleh; Naib Yang Dipertua II, Awang Syed Ahmad Fadzlulah Ali; Setiausaha Agong, Awang Ismail bin Apong; Penolong Setiausaha Agong, Awang Hashim bin Suhaimi; Pendaftar, Awang Kasimm bin Abdullah; Pemereksa Kira2 I, Awang Abd Rashid bin Haji Ibrahim; Pemereksa Kira2 II, Awang Yusop bin Haji Munir; 10 Ahli2 Jawatankuasa, Awang Haji Abd Rahman bin Haji Mohd Ja'afar, Awang Morni bin Layon, Awang Ibrahim bin Metussin, Awang Metussin bin Metassan, Awang Suhaili bin Lani, Awang Ma'aruf bin Manglan, Awang Hassan bin Bakar, Awang Jumat bin Idris, Awang Suhaime bin Abd Samat, Awang Mohd Walli bin Haji Hassan.

# LUMBA GO-KART DI-BERAKAS KEM

BERAKAS KEM. — Beberapa orang pelumba go-kart yang terkemuka di-negeri ini telah mengambil bahagian dalam perlumbaan Go-Kart anjoran Kelab Motor Diraja Brunei baru2 ini. Ia-nya telah di-adakan di-perkhemahan Berakas di-sini, dengan achara utama-nya ia-lah satu perlumbaan merebut piala Logan.

Awang Gerrit van Wilpe dari Seria telah memenangi dua dari tiga achara yang telah di-adakan pada hari itu. Beliau telah menjadi johan dalam achara utama 35 pusingan. Tempat kedua dimenangi oleh Rudy Michels dan Awang Tom Visser di-tempat ketiga.

Awang Gerrit van Wilpe juga telah memenangi perlumbaan 20 pusingan. Kedua Awang Wasli Haji Sulong dari Askar Melayu Diraja Brunei. Bagaimanapun Gerrit van Wilpe hanya memenangi tempat kedua dalam perlumbaan 25 pusingan. Tempat pertama dalam perlumbaan 25 pusingan ini telah dimenangi oleh Lex Kolster.

Sa-ramai 12 peserta telah mengambil bahagian dalam perlumbaan Go-Kart pada hari itu dan salah satu achara-nya di-batalkan di-sebabkan hujan. Awang Chris Lammers, Yang Dipertua Kelab Motor Diraja Brunei, telah menyampaikan hadiah2 kapada yang berjaya diakhir perlumbaan.



# Gotong-royong berseh kubor

LEBEH dari 300 orang telah berkerjasama membersehkan tanah perkuboran orang2 Islam di-Tanjong dan Batu Tiga. Mereka berhimpon di-padang KBRC kira2 pada pukol 7.30 pagi dan kemudian di-bahagikan kapada dua bahagian. Sa-belum itu, Kadhi Daerah Belait, Awang Bolhassan bin Haji Mohammad Jair dan Penolong Pegawai Daerah Belait, Pengiran Omar bin Pengiran Sabtu, telah memberikan uchapan. Kempen tersebut di-anjorkan oleh Penghulu Mukim Belait.



Gambar atas menunjokkan sa-bahagian dari pendudok2 Kampong Kasat sedang bekerja mendirikan rumah untok Dayang Aminah.

# Rumah baru untok Dyg. Aminah

BANDAR SERI BEGAWAN. Hampir 100 orang pendudok di-Kampong Belimbing Subok telah keluar beramai2 dalam kempen membersehkan kawasan kampong, ini termasok kerja2 membersehkan pokok2 yang tumbang di-sekitar tanah perkuboran orang2 Islam di-kampong tersebut pada hari Jumaat minggu lepas.

Kempen yang di-adakan sa-hari suntok itu telah diketuai oleh Ketua Kampong Belimbing Awang Haji Khamis bin Tangkim.

Sementara itu pada hari yang sama juga satu kerja memuchang2 telah di-adakan di-Kampong Kasat di-mana pendudok2 Kampong telah memulakan pembenaan sa-buah rumah bagi sa-orang janda, Dayang Aminah binte Ahmad bersama anak lelaki-nya yang berumor lapan tahun.

Pembenaan rumah itu di-biayai oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama bahagian Baitul-Mal dan derma pendudok2 kampong tersebut.

# ANAK2 YATIM TERIMA PEMBELAAN YANG WAJAR DI-IDILFITRI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengurusi Badan Kebajikan Kebangsaan Brunei Bahagian Anak Yatim, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja, Dato Setia Awang Haji Husain, telah menerima dua lagi sumbangan derma dari Taman Asohan Pertiwi dan Sharikat Hara, pagi Khamis lepas.

Derma sa-banyak $300 telah di-sampaikan oleh Penyelia Taman Asohan Pertiwi, Dayang Zaharah bte Abang Sulong yang di-temani oleh Bendahari-nya, Dayang Zulainah.

Sharikat Hara pula telah menymbugankan derma sabanyak $253.82 yang telah di-sampaikan oleh Pengerusinya Dayang Hajjah Halimah binte Baki.

Kedua2 derma tersebut telah di-serahkan kapada Pengerusi Badan Kebajikan tersebut di-Pejabat Kebajikan, Belia dan Sokan.

Dayang Zaharah, sa-waktu di-temui menyatakan bahawa derma tersebut itu adalah merupakan salah satu diantara beberapa kegiatan Pertiwi sa-panjang tahun, sa-lain dari mengadakan Sekolah Taman Asohan Kanak2, mengadakan Kelas Zikir, Kelas Ugama, Urusan Rumahtangga, pameran kerajinan tangan dan lain2 lagi.

Pehin Dato Awang Haji Husain sa-waktu menerima derma2 tersebut telah menguchapkan terima kaseh-nya di-atas subangan serta kesedaran Badan2 Kebajikan, diri perseorangan dan Sharikat2 perniagaan atau perusahaan di-negeri ini bagi membantu dan menjayakan Tabong Badan Kebajikan Kebangsaan Brunei Bahagian Anak2 Yatim, yang di-sifatkan-nya amat-lah mustahak di-usahakan berteruskan sahingga ia-nya akan dapat dijadikan Tabong Yayasan Anak2 Yatim.

Sa-laku Pengerusi Badan Kebajikan Kebangsaan, Brunei, Yang Berhormat Pehin Dato Awang Haji Husain mengharapkan agar usaha berkebajikan demi membela anak2 yatim yang kurang bernasib baik itu akan dapat di-usahakan dari sa-masa kesemasa.

Di-sebelah petang-nya pula, bertempat di-Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin itu telah menerima sa-keping chek bernilai sa-banyak $500 sumbangan dari Puan Vivian Ang, untok Badan Kebajikan Kebangsaan Brunei yang akan di-gunakan bagi membeli kachamata2 kapada pehak yang menghendaki-nya, yang di-fikirkan patut dibantu bagi mendapatkan kachamata.



Dari Sharikat HARA wang tunai sa-banyak $253.85 di-sampaikan oleh Pengurus-nya Dayang Hajjah Halimah binte Baki.

## TABONG ANAK2 YATIM DAERAH BELAIT

Di-Kuala Belait, Pegawai Daerah Belait sa-laku Penaong TAYDB, telah menerima wang tunai sa-banyak $100 yang telah di-dermakan oleh Malai Haji Ahmad bin Sheikh Haji Said, untok derma Tabong Anak2 Yatim.

Kira2 100 orang ana2k yatim di-Daerah Belait telah menerima hadiah2 Hari Raya dari Jawatankuasa Tabong Derma Anak Yatim pada hari Ahad lepas, di-Dewan Pusat Belia, Kuala Belait.

Derma tersebut telah disampaikan oleh Pegawai Daerah Belait dan juga Penaong Tabong Anak2 Yatim, Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd Ja'afar.

Persatuan Pertiwi Daerah Belait, juga menyampaikan hadiah2 Hari Raya kapada anak2 yatim pada hari tersebut.

## PESAKA DERMA ANAK2 YATIM DAN FAKIR

Persatuan Melayu Keriam, (PESAKA), akan juga mengadakan Perjumpaan Hari Raya pada 29hb September akan datang bertempat di-Dewan Raya Kampong Keriam.

Dalam Majlis Perjumpaan Hari Raya yang akan diadakan pada hari itu, Persatuan PESAKA akan menyampaikan Derma Amal sa-banyak $500 untok dibahagi2kan kapada anak2 yatim, fakir miskin serta orang2 chachat yang tinggal di-Kampong Keriam.

Derma Amal yang sa-rupa ini ada-lah sumbangan Persatuan PESAKA pada tiap2 tahun kapada mereka2 yang kurang bernasib baik.

Menurut sa-orang juruchakap Persatuan PESAKA bahawa sumbangan tersebut itu ada-lah yang ketiga kali pernah di-adakan oleh Persatuan tersebut.

## IKATAN BARU PEMANCHA LAMA

Sementara itu Persatuan Ikatan Baru Pemancha Lama, Bandar Seri Begawan, telah mengadakan satu majlis penyampaian derma kebajikan kapada anak2 yatim dan balu2 bertempat dirumah Ketua Kampong.

Ketua Pegawai Penerangan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Mohd Salleh bin Haji Masri telah menyampaikan derma2 tersebut.

## MAJLIS JAMUAN ANAK2 YATIM SELUROH NEGERI

Bertempat di-Dewan Pusat Belia, Bandar Seri Begawan, satu Majlis Jamuan Anak2 Yatim, anjoran Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan, akan di-langsongkan pada 3hb Oktober akan datang.

Majlis tersebut di-jangka akan di-hadhiri oleh lebeh 1,600 orang anak2 yatim diseluroh negeri. Untok memeriahkan majlis tersebut beberapa pertandingan akan juga di-adakan.

Pehak penganjor majlis menyatakan kapada orang ramai yang ingin menyumbangkan *sedekah* mereka; berupa makanan, pakaian atau lain2-nya itu boleh-lah berhubong dengan Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan atau Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.



Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Husain sedang menerima wang tunai dan bungkusan kain dari Awang Haji Atan untok anak2 yatim.



Dayang Zaharah sedang menyampaikan wang tunai $300 untok tabong anak2 yatim.

## DARI J/K TABONG ANAK2 YATIM BRUNEI/MUARA

Jawatankuasa Tabong Anak2 Yatim Daerah Brunei dan Muara akan juga membahagi2kan hadiah2 kapada anak2 yatim sa-belum menjelang Hari Raya Idilfitri ini.

Kira2 lebeh 300 orang anak2 yatim di-Daerah Brunei dan Muara ini akan dapat menerima hadiah2 tersebut. Jawatankuasa tersebut juga akan membahagi2kan hadiah kapada pesakit2 di-Rumah Sakit Besar, Bandar Seri Begawan.

## DERMA ANAK2 YATIM DAERAH TUTONG

Jawatankuasa Tabong Derma Anak2 Yatim Daerah Tutong meranchang untok mengadakan satu Majlis Jamuan Hari Raya bagi anak2 yatim di-Daerah itu. Ia-nya juga akan mengatorkan kunjongan anak2 yatim karumah2 orang2 kenamaan didaerah tersebut sa-masa Hari Raya nanti.

Kira2 30 orang anak2 yatim di-Daerah Tutong akan menghadhiri Majlis Jamuan Anak2 Yatim, seluroh negeri yang akan di-langsongkan di-Dewan Pusat Belia, Bandar Seri Begawan pada 3hb Oktober akan datang.

Sementara itu Jawatankuasa Tabong Derma Anak2 Yatim Daerah Tutong telah melantek Pegawai Daerah Tutong, Awang Yahya bin Haji Haris, sa-laku Yang Dipertua TDAYDT, manakala Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdul Rahman bin Kani, sa-laku setia usaha.

## DERMA PERSATUAN BOLA SEPAK AMATOR DEARAH BELAIT

Persatuan Bola Sepak Amator Daerah Belait telah juga menderma sa-banyak $100 yang telah di-sampaikan oleh Yang Dipertua-nya, Pengiran Ali Hassan bin Pengiran DSLJ Haji Abass.

Derma tersebut telah di-sampaikan beliau kapada Pengerusi Badan Kebajikan Kebangsaan Brunei, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Husain, di-Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan. (Berita derma anak2 yatim selanjut-nya di-muka 16).



...t week became the latest to benefit from the Government's scheme to supply all kampongs with colour ...mpong Belimbing, Subok, not far from Radio Television Brunei's transmission tower. ...State will be able to tune in to RTB's nightly programmes.



...g Roman leader and Janet Suzman the Egyptian Queen in Sunday night's production of **Anthony and** ...hannels eight and five.

# RANCHANGAN tv BRUNEI MINGGU INI

TV BRUNEI reserves the right to alter programme as necessary. Finalised telecast details will appear in our daily programme summaries.

**This schedule is subject to change** — at the time of going to press the actual date of the Hari Raya holiday has not been fixed. There will be special Malay programmes for the Hari Raya Holiday and RTB will be opening transmission early for three days these will be notified at the end of the previous days transfission.

## SATURDAY 25 SEPTEMBER

4.00 pm Opening/Programme Sunmmary
4.02 pm Messages by His Highness, Mentri Besar and High Commissioner
4.15 pm MGM Special: "Pogo"
4.40 pm Aneka Lagu
5.10 pm Cartoons
5.18 pm Traditional World of Islam — Prog. 1. "Unity"
5.48 pm Koran
6.00 pm News Headlines
6.02 pm Sesame Street
6.23 pm Azan
6.27 pm Sesame Street — contd
7.00 pm English News
7.10 pm Cannon — "The Conspirators"
8.00 pm Dad's Army — "The Face on the Poster"
8.30 pm Warta Berita
8.45 pm Modern Malay Drama/Hari Raya Special
9.30 pm Star Soccer
10.20 pm Saturday Movie: 20th C. Fox — "Paper Man"
11.50 pm Close Down.

## SUNDAY 26 SEPTEMBER

4.00 pm Opening/Programme Sunmmary
4.02 pm Pesta Raya Kanak2 Prog. 1.
4.32 pm Panoroma Tanah Ayer
5.02 pm Cartoons
5.18 pm Traditional World of Islam — Prog. 2 "Nomad and City"
5.48 pm Koran
6.00 pm News Headlines
6.02 pm Vision On — "Boxes"
6.21 pm Azan
6.25 pm Vision On — cont'd.
6.31 pm Dr Who — "Carnival of Monsters" — Ep. 4
7.00 pm English News
7.10 pm Matt Helm — "Scavenger's Paradise"
8.00 pm Survival — "Movement in the Mangroves"
8.30 pm Warta Berita
8.45 pm Temasha Irama Special
9.30 pm Play 'Anthony and Cleopatra"
12.10 pm Close Down.

## MONDAY 27 SEPTEMBER

5.15 pm Opening/Programme Summary
5.17 pm Pesta Raya Kanak2 Prog 2.
5.47 pm Koran
6.00 pm News Headlines
6.02 pm Swiss Family Robinson Ep. 3 — "The Hawk
6.21 pm Azan
6.25 pm Swiss Family Robinson — cont'd
7.00 pm English News
7.10 pm The Persuaders — "Nuisance Value"
8.00 pm Serikandi
8.30 pm Warta Berita
8.45 pm Gambus
9.15 pm Bangsawan
10.00 pm Caribe — "Mercenary"
10.50 pm Thriller — "Where The Action Is"
11.50 pm Close Down.

## TUESDAY 28 SEPTEMBER

5.45 pm Opening/Programme Summary
5.48 pm Koran
6.00 pm News Headlines
6.02 pm Sesame Street
6.21 pm Azan
6.25 pm Sesame Street—cont'd
7.00 pm English News
7.10 pm Mission Impossible — "Blue"
8.00 pm The Monkees — "Everywhere a Sheik Sheik"
8.30 pm Warta Berita
8.45 pm Traditional World of Islam — Prog. 3 "Man and Nature"
9.15 pm Selavang Pndang
9.45 pm Kojak
10.35 pm Emergency — "The Promotion"
11.25 pm Close Down.

## WEDNESDAY 29 SEPTEMBER

5.45 pm Opening/Programme Summary
5.48 pm Koran
6.00 pm News Headlines
6.02 pm Lost In Space — "Trip Through the Robot"
6.21 pm Azan
6.25 pm Lost In Space— cont'd.
7.00 pm English News
7.10 pm New Scotland Yard — "Monopoly"
8.00 pm Hogan's Heroes — "Go Light on the Heavy Water"
8.30 pm Warta Berita
8.45 pm Music for Guitar Prog. 6.
9.15 pm The Traditional World of Islam — Prog. 4. "The Pattern of Beauty"
9.45 pm The Survivors — Ep. 4. "Corn Dolly" Helen Reddy Midnight Special
10.35 pm Show Of The Week:
11.50 pm Close Down.

## THURSDAY 30 SEPTEMBER

5.45 pm Opening/Programme Summary
5.48 pm Koran
6.00 pm News Headlines
6.02 pm Voyage To The Bottom Of The Sea — "The Mechanical Man"
6.21 pm Azan
6.25 pm Voyage To The Bottom Of The Sea — cont'd
7.00 pm English News
7.10 pm "Dangerfreaks"
8.00 pm Wide World of Sports
8.30 pm Warta Berita
8.45 pm Traditional World of Islam — Prog. 5 "Knowledge of the World"
9.15 pm Hidavat
9.45 pm The Virginian — "The Wind of Outrage"
11.00 pm Close Down.

## FRIDAY 1 OCTOBER

5.45 pm Opening/Programme Summary
5.48 pm Koran
6.00 pm News Headlines
6.02 pm Circus — "Billy Russell's Circus Spectacular"
6.17 pm Azan
6.21 pm Circus — cont'd
6.31 pm Milton The Monster: "Goofy Doctor Goo Fee"
7.00 pm English News
7.10 pm Documentary: World About Us "Gaucho"
8.00 pm Police Surgeon — "Vengeance"
8.30 pm Warta Berita
8.45 pm Traditional World of Islam — Prog. 6 "The Inner Life"
9.15 pm Morecambe and Wise — Ep. 2.
10.00 pm Mystery Movie:
11.30 pm Close Down.

# LAGI SUMBANGAN UNTOK ANAK2 YATIM

BANDAR SERI BEGAWAN. —Jawatankuasa Tabong Derma Anak2 Yatim, Daerah Brunei dan Muara, mulai 20hb September, Isnin lepas telah membahagi2kan wang kapada anak2 yatim di-Daerah Brunei dan Muara, yang telah di-sampaikan oleh Bendahari-nya, Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Damit, di-Pejabat Penchen di-sini.

Ada-lah di-harapkan supaya ketua2 kampong di-Daerah Brunei dan Muara, akan datang ka-Pejabat Penchen mengambil derma2 tersebut untok di-serahkan kapada anak2 yatim yang berkenaan di-kampong masing2.

Kampong2 yang belum mempunyai Penghulu atau Ketua-nya, anak2 yatim itu boleh-lah datang ka-Pejabat Penchen di-Bandar Seri Begawan.

Sementara itu di-SUNGAI LIANG, Awang Simun bin Ahmad telah menderma sabanyak $50 kapada Tabong Anak2 Yatim, Dearah Belait, pada hari Sabtu minggu lalu.

Setia Usaha Tabong Derma Anak2 Yatim Daerah Belait, Pengiran Sulaiman bin Pengiran Buntar telah menerima derma tersebut, bagi pehak Jawatankuasa.

Sementara itu di-Kuala Belait, Yang Berhormat Malai Haji Mashor bin Malai Haji Damit, telah menyampaikan hadiah2 bagi Tabong Anak2 Yatim. Dan Dayang Hajjah Haminah bte Abang Taha telah menyampaikan-nya bagi pehak Pertiwi.

Jawatankuasa Tabong Anak2 Yatim, Daerah Belait, menyatakan kapada mereka yang belum lagi menerima hadiah2-nya supaya menghubongi Setia Usaha Jawatankuasa Tabong tersebut, Pengiran Sulaiman bin Pg Buntar, di-pejabat Penchen, Kuala Belait, sa-masa bekerja.

Gambar bawah menunjokkan YDM Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Mohd Salleh bin Haji Masri, Ketua Pegawai Penerangan sedang menyampaikan derma kapada salah sa-orang balu di-Kampong Pemancha Lama, Bandar Seri Begawan.

Derma ini yang di-usahakan oleh Persatuan Ikatan Baru Kampong Pemancha Lama yang berjumlah saribu dua ratus ringgit dan di-bahagi2kan kapada lebeh 60 orang anak2 yatim, balu2 dan fakir miskin dan penyampaian-nya di-langsongkan di-rumah Ketua Kampong tersebut minggu lepas.



# Derma Stadium dari Temburong

TEMBURONG.— Persatuan Belia Melayu Temburong telah menyumbangkan $400 kapada Tabong Pembenaan Stadium. Derma itu di-sampaikan oleh Yang Dipertua Persatuan tersebut Pengiran Razit bin Pengiran Haji Abd Rahman kapada Pemangku Pegawai Daerah Temburong Awang Abdul Aziz bin Mohammad.

Penyampaian derma itu telah di-langsongkan di-Dewan Ria, Pekan Bangar.

Awang Abdul Aziz dalam uchapan-nya menyatakan terima kaseh dan penghargaan kapada Persatuan Belia Melayu Temburong kerana telah menghargai ingatan untok menderma Tabong Pembenaan Stadium dan sa-bagai menjunjong titah serta menyembahkan perasaan ta'at setia kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan terhadap pembenaan stadium tersebut.

# RAMAI LAGI PENUNTUT2 BARU KA-U.K.

BANDAR SERI BEGAWAN. Sa-orang bekas penuntut Maktab SOAS (S), Awang Mohd Syaiffudin bin Haji Abdullah telah bertolak hari ini untok meneruskan pengajian-nya dalam kursus ijazah Sociology of Education sa-lama empat tahun di-Kingston Upon Hull College of Education.

Awang Mohd Syaiffudin telah pun bekerja sa-bagai Penolong Pengarang di-Bahagian Penerangan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan.

Sementara itu dua orang bekas penuntut Pusat Tingkatan Enam telah pun berlepas pada hari Selasa lalu bagi meneruskan pengajian mereka di-UK atas biasiswa Kerajaan DYMM.

Awang Ahmad Ghazali bin Hj. Tengah akan mengikuti kursus ijazah dalam Humanities of Education sa-lama tiga tahun dan sa-tahun lagi dalam jurusan diploma pendidekan, dia akan menuntut di-Stockwell College of Education, Kent.

Dayangku Siti Zulia binte Pg Haji Tengah pula akan mengikuti kursus setiausaha sa-lama tiga tahun di-Leamington Spa Secretarial College.

Sa-orang lagi pegawai di-Jabatan Pelajaran, Awangku Abdul Hamid bin Pg Haji Othman juga berlepas pada hari yang sama untok mengikuti kursus dalam perkhidmatan sa-lama tiga tahun bagi kursus H. N. D. dalam akauntan

Terdahulu dari itu lebeh 80 orang penuntut Brunei yang sedang berchuti di-tanah ayer baru2 ini telah berlepas ka-UK untok meneruskan pengajian mereka sabelum menjelang-nya Hari Raya Idilfitri tahun ini yang di-jangka jatoh pada akhir minggu ini.

Sa-panjang perchutian, mereka juga telah menghadhiri Satu Kursus Sivik Penuntut2 Seberang Laut yang telah berlangsong pada bulan Ogos lepas, lebeh 200 orang penuntut menghadhiri kursus tersebut.

Rombongan awal telah bertolak pada akhir Ogos dan awal September lepas, dan sa-ramai 40 orang lagi di-antara mereka akan berlepas mulai akhir September ini.

# MALAM RAMPAI BUDAYA

BUKIT UDAL, Daerah Belait. — Pakatan Sang Jati Dusun telah mengadakan Malam Rampai Budaya Sabtu lepas. Ia-nya telah di-langsongkan di-Dewan Persatuan tersebut.

Persembahan gambus dari kumpulan Persatuan itu juga telah juga di-adakan malam itu di-samping tarian2 asli dan nyanyian2. Ini ada-lah merupakan projek tahunan Persatuan tersebut.

Sementara itu di-Daerah Brunei dan Muara, pendudok2 tiga buah kampong akan mengadakan satu majlis sambutan Hari Raya Idilfitri, anjoran Persatuan TIBA.

Kampong2 tersebut ia-lah: Sungai Hanching/Salambigar, Sungai Tilong dan Tanah Jambu.

Antara achara2-nya yang akan di-persembahkan dalam Majlis sambutan itu termasok-lah peraduan nyanyian, pakaian beragam dan pertunjokan fesen pakaian kanak2.

Pertunjokan tersebut akan di-adakan di-sebelah malam mulai pukol 7.00 pada 27hb September, akan datang.

# *$45,000 dari Zakat Fitrah kapada yang memerlukan*

BANDAR SERI BEGAWAN. —Lebeh 45 ribu ringgit akan di-bahagi2kan kapada orang2 yang memerlukan-nya yang terdiri dari umat Islam di-seluroh negeri ini sa-belum Hari Raya.

Wang tersebut yang dikeluarkan dari Tabong Zakat Fitrah Majlis Ugama Islam Negeri Brunei akan di-berikan oleh amil2 yang di-lantek di-tempat masing2 di-semua daerah bagi menyambut Hari Raya tahun ini.

Sa-banyak $28,000 akan di-bahagi2kan di-daerah Brunei dan Muara; $8,500 di-daerah Belait; $2,200 di-daerah Temburong dan $6,300 di-daerah Tutong.

# Kemalangan Jalan Raya di-ramal meningkat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lebeh sembilan ratus kemalangan jalan raya telah berlaku di-negeri ini dalam masa lapan bulan pertama tahun ini termasok 28 kejadian kematian.

Pemangku Pesurohjaya Pulis Dato Miller berkata, berbanding dengan kemalangan yang berlaku pada tahun lepas sa-banyak 1,200 kemalangan mungkin akan meningkat lagi pada tahun ini.

Ada-lah di-sedari kebanyakan kemalangan2 tersebut berpuncha dari kechuaian dan sikap yang tidak bertimbang rasa dari sabilangan pemandu2 sendiri dan bukan-nya kerana bertambah-nya jumlah kenderaan yang semakin meningkat sa-tiap tahun.

Memandangkan keadaan yang membimbangkan pengguna2 jalan raya yang lain pehak Pulis mungkin akan mengemukakan tindakan ujian memandu sekali lagi kapada pemandu2 yang telah melakukan kesalahan2 jalan raya yang serius.

Ada-lah di-ingatkan menjelang-nya Hari Raya tahun ini supaya pemandu2 akan lebeh berhati2 lagi ketika memandu terutama di-kawasan2 bandar yang semakin sesak dengan orang ramai yang membeli belah dalam persiapan2 menyambut Hari Raya.

# Peraduan Poster

KUALA BELAIT. — Kelab Rotary Belait telah mengadakan peraduan poster sa-lama dua hari pada minggu lepas bertempat di-Dewan Kemasharakatan di-sini.

Peraduan itu ada-lah bersempena dengan minggu persefahaman sa-dunia. Lebeh dari 50 buah keping poster telah di-pamerkan di-peraduan tersebut.

Syeda Aliya Zainab berusia lapan tahun telah memenangi peraduan antara peserta berumor dari sa-belas tahun ka-bawah. Bahagian peserta2 berumor dari 12-18 tahun pula telah di-menangi oleh Awang Gilbert Tan, sementara Awangku Jaludin bin Pengiran Damit telah memenangi dalam bahagian peserta2 berumor 18 tahun ka-atas.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, PEJABAT SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI